



**BERSAMA
KAUNSELOR**

Pn Siti Fatimah
Abdul Ghani

Kaunselor Berdaftar
Seksyen Kaunseling Pelajar
Universiti Putra Malaysia
sifatimah@upm.edu.my

Nikah
semula
dengan ibu
selepas
bercerai 15
tahun lalu

Terima kasih kerana sudi membaca kisah saya. Perceraian antara ayah dan ibu sejak 15 tahun lalu akhirnya bertaut kembali, tahun ini. Terasa bagai mimpi dan masih sukar untuk dipercayai, namun itulah yang bakal kami nikmati bersama-sama.

Selepas bercerai dengan ibu, ayah berkahwin lain tetapi tidak dikurniakan zuriat. Baru-baru ini ayah melamar ibu semula. Kami adik-beradik pada awalnya tidak dapat menerimanya, begitu juga ibu yang enggan menerima lamaran ayah buat kali kedua.

Namun, tiada siapa mampu menolak takdir. Ayah dan ibu akhirnya kembali bersatu sebagai pasangan suami isteri. Saya mengharap bimbingan puan untuk menghadapi kehidupan yang mendatang.


Kehadiran semula ayah ibarat kewujudan orang asing dalam hidup saya dan dua adik kerana ditinggalkan ketika kami masih kecil. Kami tiga beradik membesar dengan usaha ibu seorang diri.

Malah, Aidilfitri ini adalah Syawal pertama kami bakal beraya bersama ayah kandung selepas belasan tahun tidak bertemu. Saya kekok berdepan dengan situasi ini tapi pada masa sama gembira ayah sudah kembali.

**SALBIAH
Melaka**

Terima kasih kerana sudi berkongsi perasaan saudara dalam ruangan ini. Saya turut bahagia mendengar kisah ini. Sebagai manusia,

KEKOK KEHADIRAN SEMULA AYAH



kita perlu mempercayai dan meyakini takdir Allah.

Itulah apa yang anda sekeluarga alami. Takdir Allah menetapkan jodoh ibu dan ayah masih ada walaupun mereka pernah bercerai. Meskipun kehadirannya bagai orang asing, hakikat yang tidak dapat dipertikaikan dialah ayah kandung saudara dan adik-adik. Segala yang berlaku, biarlah berlalu.

Jika ibu boleh menerima semula ayah, siapalah anda untuk menolak semua ini.

Berterima kasih dan bersyukur kepada Allah atas segala rahmat ini.

Syawal yang dinanti memberikan anda sekeluarga peluang untuk bahagia. Gunakanlah kesempatan yang ada untuk mencipta suasana bahagia buat ayah dan ibu.

Seterusnya, pupuk rasa hormat terhadap ayah meskipun kehadirannya agak asing pada waktu ini. Benarkan hati untuk menerimanya semula. Rasa hormat boleh dipupuk dalam pelbagai cara seperti kata-kata, tingkah laku serta keprihatinan.

Mainkanlah tanggungjawab anda sebagai anak sebaik

mungkin. Sekurang-kurangnya anda masih berpeluang berbakti kepada ibu bapa terutama memberi kebahagiaan yang baru buat ibu. Besar ganjaran pahala yang menanti anda semua.

Anda juga berkesempatan tidak membenci ayah seumur hidup berikutan apa yang berlaku. Berikan masa buat anda, adik-adik dan ayah. Perhubungan yang baik perlu dimulakan dengan penerimaan seadanya dan kesediaan untuk berbakti antara satu sama lain.

Didiklah adik-adik

agar menerima ayah. Memang terasa janggal pada permulaannya, namun ia akan menjadi elok pada masa akan datang. Luangkan masa bersama-sama terutama pada bulan seribu rahmat ini untuk memohon pertolongan Allah dalam mengeratkan silaturahim anda sekeluarga.

Secara tidak langsung, anda juga memberi peluang kepada ayah untuk menebus kesilapan lalu dan kembali kepada anda dan ibu. Berikan peluang kepada ayah untuk menjalani kehidupan lebih berkat dan direndai Allah. Tanpa kerjasama dan sokongan semua, ayah tidak mampu memainkan peranan sebaik mungkin.

Terakhir, sokonglah ibu untuk memulakan kehidupan baru ini. Bukan senang untuk memulakan sesuatu yang sudah lama terhenti. Sebagai anak, anda sumber kekuatan ibu selama ini. Biarlah ibu mengecapi kebahagiaan hidup dengan ayah yang sudah sekian lama terpisah.

Agak berat bebanan emosi ibu, namun saya pasti keputusannya untuk menerima ayah kali kedua didasari kasih sayangnya kepada anak-anak. Ibu ingin memulakan kehidupan yang baru dengan ayah. Sokonglah usaha mereka dan teruskan berdoa demi kesejahteraan dan kebahagiaan keluarga.